



PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

**KENYATAAN TAWARAN**

**BILANGAN SEBUTHARGA : ( 4 ) NDMC/TSH/2025-2026**

**TAJUK SEBUTHARGA: MAINTENANCE AND REPAIR TO BUILDING, ELECTRICAL WORKS FOR PUSAT PEMINDAHAN  
SEMENTARA EVAKUASI (PPSe) JALAN SUBOK**

**YURAN : BND5.00 (Lima ringgit sahaja/ tidak dikembalikan)**

**TARIKH TUTUP : HARI RABU, 14 MEI 2025, JAM 2.00 PETANG**

---

**Syarat-syarat bagi mengikuti tawaran sebutharga adalah seperti berikut:-**

1. Tawaran dibukakan secara terbuka kepada syarikat-syarikat yang berkeelayakan dan berdaftar di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemborong/ Syarikat hendaklah terlebih dahulu untuk membaca, memahami dan meneliti kesemua skop kerja di dalam Borang Dokumen Tawaran serta mengisi semua ruang-ruang yang diperlukan dengan LENGKAP dan TERATUR termasuk *Company Description Form* serta memberikan harga tawaran yang jelas. Sebarang kesilapan dan kerugian disebabkan salah tafsir harga tidak akan dilayan selepas tawaran telah dibuka.
3. Bayaran dokumen tawaran tender / sebutharga bolehlah dibuat di Kaunter Pembayaran, **Bahagian Pengawalan Hiburan Awam Dan Penerbitan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jalan James Pearce Bandar Seri Begawan BS8610 Negara Brunei Darussalam semasa waktu kaunter beroperasi**. Yuran sebanyak **BND5.00** (tidak dikembalikan / *non-refundable*) dikenakan bagi setiap sebutharga.
4. Dokumen tawaran boleh diperolehi di **Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Jalan Landasan Lama Berakas Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bermula pada 28 April 2025 dengan membawa resit asal pembayaran**.
5. Borang tawaran berserta dokumen-dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup (sealed) dan seterusnya dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) **tidak lewat pada hari Rabu, 14 Mei 2025 jam 2:00 petang di alamat berikut:-**

Bilangan Sebutharga: ( 4 ) NDMC/TSH/2025-2026

**Pengerusi Jawatankuasa Sebutharga  
Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan,  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam.**



6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Pemborong/Syarikat mestilah menyertakan salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan Bab 16/ 17/ *Business Name Extract* yang masih sah dalam bidang berkaitan, Senarai Pemilik Syarikat, Kad Pengenalan pemilik syarikat bagi Warganegara Brunei dan/ atau passport Warganegara Asing, Pengetahuan/ Pengalaman syarikat dan lain-lain keterangan yang berkaitan, EFT keterangan Bank dan Sijil Pematuhan Cukai (*Compliance Tax Certificate*).
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima mana-mana tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.
9. Tertakluk kepada tawaran yang diterima, sokongan akan diberikan kepada lebih daripada satu pembekal.